



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

Parliamentary Debates

KAMAR KHAS

Special Chamber

PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA

Bil. 38

Rabu

1 November 2017

K A N D U N G A N

UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Masalah Aktiviti Hidupan Liar yang Terdedah Kepada Ancaman
Penyeludupan, Pemburuan serta Keselamatan di Kompleks
Hutan Belum-Temenggor**
– YB. Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu (*Batu Gajah*) [Halaman 1]

- **Kelewatan dalam Pembedahan By-pass Menjejaskan
Nyawa Pesakit Jantung**
– YB. Dr. Michael Jeyakumar Devaraj (*Sungai Siput*) [Halaman 6]

**MALAYSIA
KAMAR KHAS
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA
Rabu, 01 November 2017**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said)
mempengerusikan Mesyuarat]*

**UCAPAN DI BAWAH USUL
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

**Masalah Aktiviti Hidupan Liar yang Terdedah Kepada Ancaman Penyeludupan,
Pemburuan serta Keselamatan di Kompleks Hutan Belum-Temenggor**

2.34 ptg.

Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Timbalan Menteri yang sudi menjawab soalan saya mengenai masalah-masalah aktiviti hidupan liar yang terdedah kepada ancaman penyeludupan, pemburuan serta keselamatan di Kompleks Hutan Belum–Temenggor.

Tuan Yang di-Pertua, Kompleks Hutan Belum-Temenggor seluas 320,000 hektar merupakan khazanah negara kita yang terkenal dengan kekayaan kehidupan semula jadinya yang unik. Namun pada hakikatnya, kompleks hutan semula jadi ini yang meliputi kawasan yang luas adalah tidak berkesinambungan kerana bahagian Hulu Temenggor dipisahkan dengan Hutan Belum oleh Lebuhraya Gerik-Jeli yang mencakupi kawasan kira-kira 202,500 hektar. Kompleks Hutan Belum-Temenggor dibelenggu oleh masalahnya yang tersendiri seperti aktiviti penyeludupan dan pemburuan binatang liar. Hasil ekspedisi Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) di Taman Negeri Royal Belum mengesan aktiviti pemburuan hidupan liar berdasarkan jerat dan perangkap yang ditinggalkan oleh pemburu.

Kesemua haiwan liar tanpa mengira jenis terdedah kepada risiko dijerat atau perangkap tali dan jerat besi pemburu. Dari Disember 2008 sehingga awal 2010, WWF Malaysia telah menghapuskan sebanyak 141 jerat yang dijumpai di kawasan hutan bersebelahan dengan Lebuhraya Gerik-Jeli. Pada tahun 2011, semasa melakukan kerja

lapangan, pegawai WWF Malaysia telah menjumpai 12 jerat yang masih aktif dalam masa dua hari sahaja.

Selain itu, terdapat juga masalah spesies haiwan liar terancam yang mati dalam kemalangan di Lebuhraya Gerik-Jeli, contohnya, dua kes kemalangan yang melibatkan gajah dilanggar sehingga mati dalam masa lebih kurang dua bulan sahaja pada tahun ini. Bukankah kejadian sebegini menyumbang kepada kepupusan spesies di *locality* tersebut. Keunikan genetik populasi mamalia itu di *locality* berkenaan haruslah dipelihara. Impak kejadian sebegini kepada populasinya amatlah besar, apatah lagi populasi gajah di Kompleks Hutan Belum-Temenggor mewakili 70 peratus daripada populasinya di seluruh Perak.

Pembinaan lintasan hidupan liar atau '*viaduct*' dan pengenalpastian beberapa koridor hidupan liar adalah bertujuan untuk mewujudkan lintasan yang selamat untuk haiwan liar, namun adakah ianya menyelesaikan secara keseluruhannya. Dilaporkan haiwan liar masih berkeliaran di sepanjang kawasan Lebuhraya Gerik-Jeli. Tidak semua haiwan liar menggunakan '*viaduct*' atau laluan koridor untuk bermigrasi. Harus diingat ianya menjadi cabaran kepada haiwan untuk beradaptasi kepada perubahan yang berlaku di habitat semula jadinya dalam jangka masa singkat.

Pelbagai faktor kompleks boleh mempengaruhi perilaku haiwan liar. Walaupun di kawasan lintasan selamat, ia mungkin terpaksa mengelak saingan atau pemangsa semula jadi seperti harimau dan lebih cenderung ke kawasan berbahaya. Walaupun lintasan ini kritikal untuk konservasi, adakah kajian menunjukkan perkembangan positif daripada kebanyakan atau sesetengah spesies sahaja. Negara seperti Nepal telah mula menggunakan teknologi canggih seperti 'GPS Collar' dan juga peralatan baru seperti '*Unmanned Aerial Vehicle*' (UAV) atau '*Conservation Aerial Drone*' untuk memantau populasi badak sumbunya yang terancam di Taman Negara Chitwan. UAV dapat mengesan pencerobohan dari udara terutamanya di kawasan sukar diakses.

Adakah kerajaan berhasrat untuk membawa teknologi canggih sebegini untuk memantau keadaan hutan ini. Selain papan tanda, apakah cara lain untuk menangani isu pemandu panik ketika haiwan liar tiba-tiba muncul di banyak kawasan berselekoh di Lebuhraya Gerik-Jeli. Sekian, terima kasih.

2.39 ptg.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Batu Gajah. Mohon maaf suara tidak berapa keluar. Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Yang Berhormat Menteri, kena minta banyak lagi durian dari Perak.

Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri: Makan durian. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Kedua-dua MP's ini banyak durian.

Datuk Ir. Dr. Haji Hamim bin Samuri: *[Ketawa]* Kementerian melalui Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) sentiasa komited dalam usaha untuk mengurangkan dan seterusnya mencegah daripada berlakunya aktiviti-aktiviti penyeludupan dan pemburuan hidupan liar melalui Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716).

■1440

Antara langkah pencegahan yang telah diambil sepanjang tahun 2017 sehingga September adalah sebagaimana berikut:

- (i) menjalankan sebanyak 28 operasi jerat dan hasilnya sebanyak 66 utas jerat telah berjaya dimusnahkan;
- (ii) melaksanakan sebanyak tiga operasi penyeludupan sekitar kawasan pintu keluar masuk Semenanjung Malaysia;
- (iii) menjalankan sebanyak enam operasi 1Malaysia *Biodiversity Enforcement Operation Network* (1MBEON) dlm tempoh 2014-2016;
- (iv) menjalankan sebanyak dua operasi sekatan jalan raya di sepanjang Jalan raya Timur Barat (JRTB);
- (v) melaksanakan sebanyak 10 operasi perniagaan melibatkan pemeriksaan ke atas permis perniagaan seperti *pet shop*, Kedai Ubat Tradisional China (TCM) dan restoran sekitar negeri Perak;
- (vi) menjalankan lima program kesedaran awam melalui program-program pameran sekolah, pusat pengajian tinggi dan juga pejabat kerajaan;
- (vii) menjalankan kursus pengurusan jerat yg dianjurkan Bersama dgn pihak *World Wide Fund for Nature* (WWF).

Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 71 kes kemalangan yang melibatkan spesies hidupan liar terancam di Lebuhraya Gerik-Jeli dari tahun 2007 hingga Ogos 2017. Antara spesies tertinggi yang dilanggar di Lebuhraya Gerik-Jeli adalah biawak, babi hutan, kera, binturong dan gajah. Kes *road-kill* di jalan ini juga melibatkan satu kes tapir dalam tempoh tersebut.

Bagi mengatasi kes kemalangan yang melibatkan spesies hidupan liar ini, pelbagai usaha telah dijalankan oleh kerajaan. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah pun menggunakan teknologi terkini seperti 'GPS Collar' dan 'Conservation Aerial Drone' dalam usaha memantau pergerakan hidupan liar di sepanjang lebuhraya ini.

Pada masa ini dianggarkan terdapat lebih kurang 40 ekor gajah liar daripada populasi Hutan Simpan Temenggor menjadikan kiri kanan Jalan Raya Timur Barat sebagai habitat untuk mencari makanan. Populasi gajah ini juga sering kali berkeliaran dan melintasi Jalan Raya Timur Barat yang menghubungkan Gerik dan Jeli dan mendatangkan risiko berlakunya *road-kill*. Sejak tahun 2012, sebanyak 19 ekor gajah telah dipasangkan kolar satelit. Hasil pemantauan terhadap individu yang dipasangkan kolar mendapati, kawasan keliaran bagi gajah-gajah ini adalah di sekitar dua kilometer kiri kanan lebuhraya.

Faktor utama yang menjadi tarikan gajah berada di tepi lebuhraya adalah sumber makanan daripada tumbuhan dan rumput yang terdapat di tepi lebuhraya. Kemungkinan untuk gajah bergerak menyeberangi lebuhraya adalah tinggi terutamanya pada waktu malam dan sering kali kemalangan yang melibatkan hidupan liar berlaku pada waktu malam.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, pihak Jabatan PERHILITAN juga telah berusaha untuk menyelesaikan dan mengurangkan risiko kemalangan jalan raya yang melibatkan hidupan liar (*road-kill*) melalui langkah-langkah seperti berikut:

- (i) mewujudkan lintasan hidupan liar yang dikenali sebagai '*animals viaduct*' di Kilometer 157, Jalan Raya Timur Barat Gerik-Jeli. Ini pun dibina berdasarkan kepada laporan teknikal intipan menggunakan kaedah kamera waktu malam. Itu di antara lokasi yang ditentukan. Lintasan itu menghubungkan Taman Negeri Royal Belum dan juga Hutan Simpan Temenggor. Pembinaan '*viaduct*' ini bertujuan untuk memberi laluan selamat kepada hidupan liar dan secara tidak langsung

dapat memastikan pengguna jalan raya sentiasa berada dalam keadaan selamat. Itu di antara yang telah dibina dan selepas ini ada beberapa lagi yang telah dimasukkan dalam senarai untuk diluluskan oleh pihak kerajaan;

- (ii) menjalankan program pengkayaan habitat di sekitar kawasan '*viaduct*' untuk menarik perhatian gajah-gajah dan hidupan liar lain agar melalui lintasan berkenaan dengan selamat dan tidak mengganggu pengguna jalan raya;
- (iii) telah memasang papan tanda besar dan 15 papan tanda kecil peringatan gajah liar melintas sebagai panduan keselamatan dan peringatan kepada pengguna jalan raya. Malahan, kementerian juga menggalakkan kalau ada syarikat-syarikat swasta ataupun mana-mana individu yang ingin sumbangkan lebih banyak papan tanda besar selain daripada yang kita pasang;
- (iv) membina menara kawalan bagi memantau kawasan '*viaduct*' daripada ancaman pemburuan haram. Ini kadang-kadang ada juga pemburu-pemburu haram yang mudah lalu di situ dan kita pantau sebab di situ telah sediakan menara kawalan;
- (v) memasang pugar elektrik sepanjang 10 kilometer di kiri kanan kawasan '*viaduct*' bagi membentuk laluan hidupan liar ke arah menggunakan '*viaduct*' sebagai lintasan;
- (vi) akan menambah papan tanda lintasan hidupan liar di kawasan-kawasan lain yang telah dikenal pasti berpotensi menimbulkan ancaman kepada pengguna jalan raya. Sementara menunggu '*viaduct*' akan datang, pasang papan tanda supaya pengguna jalan raya lebih peka; dan seterusnya
- (vii) cadangan penubuhan Santuari Gajah Amanjaya, negeri Perak sebagai kawasan keliaran gajah sebagai langkah untuk mengurangkan risiko konflik manusia dan gajah.

Bagi mendapatkan maklumat keberkesanan pembinaan '*animals viaduct*' di Kilometer 157, Jalan Raya Timur Barat Gerik-Jeli, kajian melalui kaedah pemasangan kamera telah dilaksanakan. Sejumlah lapan unit perangkap kamera sejak Januari hingga Oktober 2017 telah dipasang bagi mengesan hidupan liar yang menggunakan

'*viaduct*' ini. Ini seperti yang saya sebutkan tadi. Hasil kajian telah mendapati spesies gajah dan babi hutan menggunakan '*viaduct*' untuk melintasi menyeberangi JRTB.

Manakala hasil perangkap kamera yang dipasang di kawasan jerut tiruan berhampiran '*viaduct*' mendapati kehadiran empat spesies hidupan liar iaitu gajah, rusa sambar, kijang dan babi hutan telah hadir ke kawasan ini.

Untuk makluman, laluan di sekitar '*viaduct*' ini sedang dalam proses diperkaya dengan penanaman tumbuh-tumbuhan yang bertujuan untuk mendorong hidupan liar menggunakan '*viaduct*' ini. Ini dalam proses naik taraf secara berterusan. Sehubungan dengan itu, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar ingin menyeru kepada pengguna jalan raya, maknanya kita sama-sama kempen agar berhati-hati semasa memandu terutamanya di kawasan habitat hidupan liar seperti di Lebuhraya Gerik-Jeli dan para pemandu diingatkan supaya memberikan perhatian kepada papan tanda kawasan lintasan hidupan liar terutamanya pada waktu senja, subuh, malam dan keadaan penglihatan yang rendah seperti kabus, mendung dan hujan.

Selain itu, bagi menanam kesedaran awal dan pendidikan kepada generasi akan datang, pihak kementerian telah pun mencadangkan malahan kita telah pun berbincang dengan Kementerian Pendidikan agar subjek Pemuliharaan Alam Sekitar dimasukkan dalam *syllabus* pelajaran ataupun pendidikan di semua peringkat sekolah di bawah pengurusan Kementerian Pendidikan Malaysia. Sekian, terima kasih.

■1440

Kelewatan dalam Pembedahan *By-pass* Menjejaskan Nyawa Pesakit Jantung

2.47 ptg.

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kelambatan Dalam Pembedahan *Bypass* Menjejaskan Nyawa Pesakit Jantung. Encik Arumugam a/l Munusamy, KP 711106-08-5067 adalah seorang pekerja kilang di Sungai Siput Utara. Beliau telah menghidap serangan jantung pada 25 Ogos 2017 dan telah dirawat dengan suntikan *Streptokinase* di Hospital Sungai Siput. Setelah itu *angiogram* telah dilakukan di Hospital Ipoh dan didapati bahawa kesumbatan saluran darah *coronary* beliau adalah teruk dan tidak dapat dirawat dengan *angioplasty* dan *stent*. Beliau memerlukan pembedahan *by-pass* untuk kurangkan risiko serangan jantung kedua.

Encik Arumugam telah dirujuk ke Hospital Serdang untuk pembedahan *by-pass*, tetapi doktor di Unit *Cardiothoracic* di Hospital serdang telah mengatakan bahawa oleh

kerana terlalu banyak pesakit, pembedahan itu hanya boleh dilakukan pada bulan Ogos tahun 2018. Bila Encik Arumugam merayu untuk tarikh yang lebih awal, doktor berkenaan memberi tarikh pembedahan pada bulan Disember 2017 untuk cuba menetapkan tarikh pembedahan pada bulan Februari tahun depan.

Encik Arumugam telah cuba balik bekerja di kilang, tetapi mengalami kesakitan dada dan kesesakan nafas dan telah dimasukkan ke Hospital Sungai Siput. Beliau sekarang diberi cuti sakit selama satu bulan tetapi ini merupakan cuti tanpa gaji kerana peruntukan cuti sakit dengan gaji hanya 20 hari setiap tahun. Beliau ingin memohon bantuan PERKESO tetapi ada kemungkinan besar permohonannya akan ditolak atas alasan beliau belum mencapai *maximum medical improvement* (MMI). Beliau mempunyai tiga orang anak, yang sulung berumur 20 tahun. Mereka semua sedang belajar.

Mengapa perkara seperti ini dibenarkan berulang. Saya faham Unit Pembedahan *Cardiothoracic* di Hospital Serdang menghadapi beban kerja yang sangat berat. Akan tetapi mengapa tidak wujudkan satu mekanisme untuk menghantar pesakit seperti Encik Arumugam ke Institut Jantung Negara (IJN) ataupun Hospital Universiti Malaya untuk pembedahan yang perlu dilakukan dengan segera. Kemudahan seperti ini harus ditawarkan pada pesakit yang mempunyai kemungkinan tinggi mengalami serangan jantung kedua jika tidak dibedah secepat mungkin.

■1450

Apakah caj yang dikenakan oleh IJN untuk setiap kes yang dirujuk oleh hospital kerajaan untuk pembedahan *by-pass*. Adakah ianya bergantung pada kesulitan kes yang dirujuk. Berapakah bilangan pesakit yang dirujuk oleh hospital kerajaan kepada Unit *Cardiothoracic* Hospital Serdang untuk pembedahan *by-pass* dalam tahun 2016. Berapakah antara mereka yang dibedah dalam tempoh masa tiga bulan daripada tarikh *appointment* pertama di Serdang. Berapakah antara mereka yang mengalami serangan jantung ataupun mati sebelum pembedahan dapat diaturkan.

Penangguhan pembedahan selama 10 bulan untuk seorang pesakit seperti Encik Arumugam tidak boleh diterima di sebuah negara yang beraspirasi mencapai taraf negara maju dalam tiga tahun lagi. Apakah langkah-langkah yang sedang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi kelemahan ini. Sekian, terima kasih.

2.51 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Sungai Siput. Tuan Yang di-Pertua,

perkhidmatan *cardiothoracic* atau pun perkhidmatan rawatan jantung di Hospital Serdang merupakan hospital rujukan untuk zon tengah bagi hospital-hospital Kementerian Kesihatan. Liputan perkhidmatan bagi Hospital Serdang adalah dari negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya, negeri Melaka, Negeri Sembilan dan juga di bahagian selatan negeri Perak.

Oleh kerana semasa ini terdapat projek baik pulih Kompleks Dewan Bedah Jabatan *Cardiothoracic*, di *Hospital* Pulau Pinang, maka pesakit-pesakit dari Negeri Perak terutamanya kes-kes pembedahan yang agak kompleks akan dirujuk kepada Hospital Serdang kerana kapasiti Hospital Pulau Pinang untuk menjalankan pembedahan adalah berkurangan dan bilangan pembedahan yang dapat dilaksanakan adalah terhad.

Hospital Pulau Pinang masih ada menjalankan pembedahan tetapi dalam jumlah yang lebih sedikit sehingga projek ubahsuai bangunan dewan bedah dapat disiapkan. Beban kerja kes-kes jantung di Hospital Serdang adalah amat tinggi di mana hospital ini menduduki hospital di tangga teratas dalam jumlah pembedahan *bypass* yang mereka jalankan. Bilangan kes yang dirujuk untuk pembedahan *bypass* daripada hospital KKM pada 2016 adalah sebanyak 540 kes, manakala rujukan dalaman daripada Jabatan Kardiologi Hospital Serdang sendiri bagi tujuan pembedahan adalah sebanyak 748 kes.

Buat masa ini, masa menunggu untuk pembedahan elektif adalah sehingga bulan Julai 2018. Waktu menunggu untuk pembedahan *bypass* bagi mana-mana pesakit yang dirujuk adalah tertakluk kepada kompleksiti penyakit jantung mereka dan kriteria-kriteria kritikal yang *main* yang kena diambil kira. Kapasiti untuk melaksanakan pembedahan-pembedahan *open heart surgery* di Hospital Serdang adalah di sekitar 550 hingga 600 di mana jumlah ini adalah terdiri daripada kes-kes jantung, ujian itu bagi kanak-kanak sebanyak 250 kes dan bagi pesakit dewasa pelbagai jenis kes adalah 300 kes.

Bagi pesakit-pesakit yang mengalami gejala pesakit jantung semasa menunggu pembedahan, mereka akan dirujuk semula ke Hospital Serdang dan akan dirawat di Wad Kardiologi sehingga stabil sebelum rawatan pembedahan dapat dijalankan setelah penjadualan semula. Dalam kes-kes seperti pesakit ini ataupun kes-kes yang tergolong dalam *semi urgent* memang telah ada mekanisme untuk menghantar pesakit untuk rawatan pembedahan di IJN.

Walau bagaimanapun, pesakit-pesakit dihantar ke *University Hospital*, ia boleh dirundingkan di peringkat doktor yang merawat pesakit dari segi keperluan pesakit.

Kerajaan telah mengadakan perjanjian dengan IJN bagi penyebaran luar kes-kes dari Hospital Serdang ke IJN pada tahun 2016 dan sedang dalam proses untuk penyambungan perjanjian pada tahun ini.

Bagi tahun 2016, Hospital Serdang sendiri ada merujuk sebanyak 50 kes untuk pembedahan jantung. KKM sedang melancarkan pembinaan bangunan Kompleks *Cardiothoracic* bagi meningkatkan kapasiti Hospital Serdang dalam menangani beban kerja pesakit jantung yang makin meningkat semasa ini, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]:
Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang, hari Khamis, 2 November 2017.

[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.55 petang]